



Reka Cipta Menjana Kemajuan Negara



Teliti temu ramah di bawah.

Seorang wartawan telah menemui bual Saran Raj a/l Karunan, 12 tahun, pemenang tempat pertama Pertandingan Pereka Cipta Muda Peringkat Kebangsaan.

1. Tahniiah. Bolehkah kamu terangkan hasil reka cipta kamu?

2. Terima kasih. Saya telah mencipta beg sekolah pintar yang dilengkapi paparan solar. Ciptaan ini digunakan untuk mengecas e-buku dan gajet teknologi maklumat yang lain.

3. Wow, menariknya ciptaan kamu!

4. Beg ini juga mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti alat pengesan sistem penentu kedudukan global atau *global positioning system* (GPS) yang membolehkan kita mengetahui lokasi beg tersebut sekiranya hilang.

5. Bagaimanakah kamu boleh berjaya menghasilkan beg pintar ini?

6. Saya banyak menghabiskan masa membuat kajian melalui Internet dan bahan bacaan. Saya juga mengadakan perbincangan dengan guru dan kawan-kawan tentang reka cipta beg ini.

7. Saya kagum akan kesungguhan dan kerajinan kamu. Kalau semua rakyat Malaysia dapat menghasilkan pelbagai ciptaan dan inovasi, pasti negara kita akan semakin maju.

1. Huraikan sikap rajin yang ditunjukkan oleh Saran Raj.

2. Bagaimanakah sikap rajin yang ditunjukkan oleh Saran Raj dapat memajukan negara?

3. Andaikan kamu adalah Saran Raj. Bagaimanakah perasaan kamu apabila ciptaan kamu dapat pengiktirafan negara?
